

MALAYSIA  
AKTA PERTUBUHAN 1966

BORANG 9  
(PERATURAN 10)

MAKLUMAT YANG PERLU DIBERI TIAP-TIAP TAHUN OLEH  
PERTUBUHAN DAN CAWANGAN-CAWANGAN PERTUBUHAN BERDAFTAR  
MENGIKUT SEKSYEN 14 (1), AKTA PERTUBUHAN, 1966

Ruj. PPM: 43/66 -

Ruj. PPP:

Penolong Pendaftar Pertubuhan,

Tarikh:.....

Adalah maklumat-maklumat yang dinyatakan di bawah ini diberikan mengikut Seksyen 14 (1) bagi Akta Pertubuhan, 1966:-

**DEMOCRATIC ACTION PARTY -**

- (1) Nama pertubuhan berdaftar atau cawangan.....  
.....
- (2) Alamat berdaftar .....  
.....
- (3) Jumlah anggota-anggota pada akhir tahun kewangan.....
- (4) Empat (4) salinan yang benar dan lengkap bagi tiap-tiap pindaan kepada aturan-aturan pertubuhan itu yang dibuat semenjak tarikh penyata yang akhir (Tulis 'tiada' jika tidak ada pindaan aturan telah dibuat)..... **Tiada**
- (5) Tiga (3) salinan yang benar dan lengkap menunjukkan jawatan, nama (bagi orang Cina nama di dalam huruf Cina hendaklah juga dituliskan) nombor kad pengenalan, tarikh lahir, tempat lahir, pekerjaan, nama dan alamat majikan dan alamat tempat tinggal bagi semua pemegang-pemegang jawatan dan penasihat pertubuhan ini bagi tahun ..... (HURAIAN 2)
- (6) Dua (2) salinan yang benar minit Mesyuarat Agung Tahunan yang diadakan oleh pertubuhan itu di dalam tahun .....
- (7) Dua (2) salinan penyata Penerimaan dan Pembayaran serta kunci kira-kira bagi tahun tutup kira-kira pada.....
- (8) Dua (2) salinan keterangan yang menunjukkan butir-butir berkenaan geran atau surat-surat milik bagi segala harta yang dipunyai oleh Pertubuhan pada akhir tahun kewangan. Tuliskan 'tiada' jika tiada memiliki harta..... **Tiada**.....
- (9) Dua (2) salinan senarai nama dan alamat mana-mana pertubuhan, persatuan kesatuan sekerja atau mana-mana kumpulan orang lain, yang diperbadankan atau tak diperbadankan, di luar Malaysia yang bergabung dengan pertubuhan itu pada tarikh..... **Tiada**.....  
(Tuliskan 'tiada' jika pertubuhan itu tiada mempunyai pergabungan di luar Malaysia).

- (10) Dua (2) salinan senarai perihal apa-apa wang atau harta, apa-apa faedah atau keuntungan pekuniari yang diterima oleh pertubuhan itu daripada mana-mana orang yang lazimnya bermastautin di luar Malaysia atau suatu organisasi, pihak berkuasa, kerajaan atau agensi mana-mana kerajaan, di luar Malaysia bagi tahun tutup kira-kira pada.....**Tiada**.....  
(Tuliskan 'tiada' jika pertubuhan itu tiada menerima apa-apa wang atau harta di luar Malaysia).

Tandatangan..... Tandatangan.....  
 Nama..... Nama.....  
 Jawatan..... Jawatan.....

\* Tandatangan.....

Nama.....

**Timbalan / Naib / Pengerusi Kebangsaan /  
 Setiausaha Agung / Bendahari Kebangsaan.**  
 Jawatan.....

#### HURAIAN

- (1) Dua (2) salinan adalah dikehendaki dan tiap-tiap satu salinan serta lampiran-lampiran mestilah ditandatangani oleh dua (2) orang pemegang jawatan utama Pertubuhan. \*Bagi cawangan hendaklah ditandatangani oleh seorang (1) pemegang jawatan utama Pertubuhan Induk. Pemegang-Pemegang jawatan utama ialah Yang DiPertua atau Pengerusi, Timbalan atau Naib Yang DiPertua atau Pengerusi, Setiausaha dan Bendahari.
- (2) "Pemegang Jawatan" termasuklah:-
- Ahli mana-mana jawatankuasa kecil atau badan-badan lain yang ditubuhkan atau dibentuk oleh badan pengelola sesuatu pertubuhan berdaftar atau oleh badan pengelola cawangan pertubuhan itu;
  - Seseorang yang sedikit sebanyak bertanggungjawab atas pengurusan apa-apa hal ehwal atau perjalanan apa-apa aktiviti, sesuatu pertubuhan berdaftar atau mana-mana cawangan pertubuhan itu; dan
  - Seseorang yang dilantik atau diberi kuasa untuk mewakili atau bertindak bagi pihak, sesuatu pertubuhan berdaftar, atau mana-mana cawangan pertubuhan itu, dalam apa-apa perkara, lain daripada seseorang yang tidak menjadi ahli pertubuhan itu, diambil bekerja oleh pertubuhan itu untuk mewakili atau bertindak bagi pihak, pertubuhan itu atau mana-mana cawangan pertubuhan itu atau sifat profesionalnya atau mengikut perkiraan kontrak.
- (3) Seksyen 9A Akta Pertubuhan, 1966
- Tertakluk kepada seksyen kecil (2), seseorang adalah hilang kelayakan daripada menjadi dan tidak boleh menjadi atau terus menjadi pemegang jawatan, penasihat atau pekerja sesuatu pertubuhan berdaftar:
    - Jika ia telah disabit melakukan apa-apa kesalahan terhadap Akta ini; atau
    - Jika ia telah disabitkan melakukan apa-apa kesalahan di bawah mana-mana undang-undang lain dan telah dijatuhkan hukuman denda tidak kurang daripada dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak kurang daripada satu tahun; dan
    - Jika ada dikuatkuasakan terhadapnya apa-apa perintah tahanan, sekatan, pengawasan, kediaman terhad, buang negeri atau pengusiran di bawah mana-mana undang-undang berhubung dengan keselamatan atau ketenteraman awam dalam persekutuan atau mana-mana bahagiannya atau berhubung dengan pencegahan jenayah, tahanan kerana keselamatan, kediaman terhad, buang negeri atau imigresen; atau
    - Jika ia adalah sibankrap yang belum dilepaskan; atau
    - Jika ia adalah dan telah didapati atau ditetapkan sebagai tak sempurna akal.
  - Hilang kelayakan bagi seseorang di bawah perenggan (b) di atas adalah terhenti apabila tamat tempoh lima tahun mulai dari tarikh orang yang disabitkan itu dilepaskan dari jagaan atau tarikh denda tersebut dikenakan mengikut mana yang berkenaan.